

24 NOV 1998  
TOFFLER-IAP/I  
TOFFLER TIDAK LETAK JAWATAN DARI IAP, KATA MDC

CYBERJAYA, Nov 24 (Bernama) -- Peramal masa depan Alvin Toffler telah menjelaskan dalam satu kenyataan bertulis bahawa beliau belum meletak jawatan daripada Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Multimedia Super Koridor (MSC).

Semasa mengesahkan perkara ini, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata Toffler telah menulis surat yang mengatakan beliau masih anggota IAP.

"Beliau telah menyatakan yang beliau belum meletakkan jawatan, (dan) kami menghormati pendirian beliau. Bagi kami, jika seseorang belum meletak jawatan, beliau masih seorang anggota," katanya kepada sidang media selepas pelancaran pejabat Asia pasifik Kumpulan Teknologi Maju Arthur Andersen, di sini hari ini.

"Ia juga bukan satu persoalan pemecatan," katanya apabila diminta mengulas di mana nama Toffler dilihat telah dipadamkan daripada laman satu web yang mengandungi senarai semua anggota IAP.

Toffler, pengasas Toffler & Associates, adalah seorang daripada 44 anggota IAP yang mengesahkan penyertaan mereka.

Anggota IAP diberikan tugas memeta strategi keseluruhan bagi pembangunan MSC.

Dalam perkembangan berkaitan, Othman Yeop juga mengumumkan hasrat MDC untuk melantik anggota-anggota baru IAP.

Beliau telah menimbulkan perkara itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan wakil dari Australia dan India.

Beliau juga mencadangkan supata mesyuarat IAP yang ketiga diadakan pada Julai bukannya Februari supaya ia dapat diadakan selepas beberapa projek teknologi maklumat telah bermula.

-- BERNAMA  
RIZ JR MA